# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 5 | RABU 4HB FEBRUARI, 1981. | رابو 29 ربيع الاول 1401 | PERCHUMA




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia mendengar sa-suatu penerangan dari Datin Hajjah Jusnani, Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi, ketika berangkat melawat Bahagian Komputer Yunit Peranchangan Ekonomi.

## DYMM BERANGKAT MELAWAT JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pagi Isnin lalu telah berangkat membuat lawatan sengkat ka-Pejabat Jabatan Setia Usaha Kerajaan di-sini.

Baginda Yang Dipertuan dengan di-iringi oleh adinda Baginda, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan YTB Penasehat Umom Baginda Sultan, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa telah di-alu-alukan keberangkatan Baginda oleh YAB Menteri Besar, Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin; YB Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg Haji Abdul Aziz, ketua2 bahagian serta pegawai2 kanan jabatan tersebut.

Sa-tiba Baginda di-bangunan jabatan itu, Baginda Yang Dipertuan telah di-junjong berangkat oleh YAB Menteri Besar ka-Bilek Persidangan di-mana Baginda sa-terusnya mendengar taklimat mengenai tugas di-tiap2 bahagian jabatan berkenaan.

Dari Bilek persidangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta rombongan kemudian-nya di-junjong untok berangkat ka-bilek YAB Menteri Besar dan YB Setia Usaha Kerajaan sambil berbual mesra dengan lain2 pegawai kanan jabatan tersebut.

Sa-belum mengakhiri kunjongan lawatan Baginda di-sa-belah tengah hari-nya Baginda Yang Dipertuan telah sempat juga di-junjong berangkat meninjau sa-chara dekat pejabat2 Lembaga Kemajuan Ekonomi dan Bahagian Komputer Yunit Peranchang Ekonomi.

## Perlawanan akhir Low Goal Polo di-tunda

JERUDONG. — Perlawanan Perengkat Akhir Polo Jemputan Antarabangsa kali ke-empat dalam bahagian Low Goal antara Pasokan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dengan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei yang di-jadualkan di-adakan Sabtu lalu telah di-tunda kapada satu tarikh yang akan di-tetapkan kemudian.

Penundaan tersebut ada-lah di-sebabkan oleh keadaan chuacha yang tidak mengizinkan bagi mempastikan perlawanan tersebut berjalan dengan baik. Bagaimana pun perlawanan antara Pasokan Selangor dengan Pasokan Pulis Diraja Brunei saperti yang di-atorkan telah di-jalankan pada hari tersebut dengan kemenangan di-tangan pasokan Selangor.

Siri Perlawanan Polo dalam bahagian Low Goal ada-lah bagi merebut Piala Presiden dan telah pun bermula Khamis lalu dengan di-sertai oleh tujoh buah pasokan empat daripada-nya pasokan2 luar negeri.

Di-hari pertama sabanyak empat perlawanan telah di-jalankan. Pasokan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berjaya mengalahkan Pasokan Angkatan Bersenjata Malaysia dengan jaringan 13 gol berbelas 4½.

Pasokan AMDB dan Pasokan Pulis Diraja Brunei masing2 telah berjaya mengalahkan Pasokan Guards Polo Club dari England dan Pasokan Singapura.

Sementara itu Jerudong Park ada-lah merupakan hanya satu2-nya pasokan tempatan yang dapat di-tewaskan oleh pasokan dari luar negeri ia-itu Selangor.

Lihat muka 22

### Manis-nya Iman

"DUA orang Islam yang bertemu, lalu kedua-nya berjabat tangan maka mereka akan di-ampunkan dari dosa2 kechil sabelum lagi kedua-nya berpisah." — Hadith riwayat Abu Daud daripada Al-Barra'.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan adinda Baginda (belakang) YTM Paduka Seri Duli Pengiran Di-Gadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah bermain bagi Pasokan Baginda di-perlawanan tersebut.

## 145 di-korniakan pingat2

BANDAR SERI BEGAWAN.—Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim telah menyampaikan pingat2 kehormat Negeri Brunei kapada 145 orang termasok anggota2 pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

Penyampaian pingat2 tersebut telah di-langsongkan di-Dewan Persantapan Lapau, di-sini pada hari Sabtu 31hb. Januari lepas.

Dari jumlah tersebut saramai dua orang menerima Pingat Bakti Laila Ikhlas (PBLI), 23 orang menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK), 54 orang menerima Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) dan 66 orang yang lain-nya menerima Pingat Kerja Lama (PKL) Awam.

Majlis pada pagi itu telah di-akhiri dengan bachaan doa selamat yang telah di-bachakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abd. Hamid bin Bakal, Kadhi Besar Brunei.

Hadhir sama di-majlis itu termasok-lah Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg. Haji Abd. Aziz, Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria, Ahli2 Yang Berhormat, Pegawai2 kanan kerajaan serta penghulu2 dan ketua2 kampong.

Senerai penerima2 pingat di-muatkan di-muka 7.



YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa menyampaikan Pingat Kerja Lama (Awam) kapada Dato Paduka 'Abidin bin Abdul Rashid.

Pelita Brunei

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

4HB FEBRUARI, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

# KA-ARAH KEAMANAN YG TERUS TERJAMIN

KES2 jenayah yang di-laporkan berlaku pada tahun 1980 menurun lagi dari tahun2 yang sa-belumnya. Ini di-nyatakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya, Pesurohjaya Pulis Diraja Brunei baru2 ini. Maka melihat pada angka2 yang di-laporkan itu kita tentu merasa bangga betapa penyakit jenayah yang memang sukar untok di-hapuskan, malah amat rumit pula di-hindarkan dari berlaku menchemari keharmonian masharakat itu berjaya juga sedikit sa-banyak di-bendong di-kalangan masharakat kita dari terus merebak menjadi 'wabak'.

Menyedari akan penyakit jenayah ini-lah negara dan masharakat kita yang ligat ka-arah proses arus kemajuan-nya maseh beruntong bahawa kes2 jenayah maseh berada di-taraf jumlah yang maseh rendah jika di-bandingkan dengan kes2 yang sa-rupa berlaku di-negara2 lain. Dari bentok2 kes jenayah itu pula perbuatan2 pechah rumah dan menchuri alat pemain keset dan pembesar suara kereta2 ada-lah di-antara yang di-gemari oleh penjenayah2 di-samping berlakunya kes2 rompakan bersenjata (senjata api) sekali sakala turut menggugat kebimbangan kita.

Peruntokan undang2 memang ada bagi menghukum penjenayah2 yang terlibat dalam kes2 yang mereka lakukan, namun untok mengemaskan lagi undang2 berkenaan dari di-chemari perbuatan demikian ia-nya tidak chukop hanya dengan perlaksanaan undang2 itu sendiri di-dalam tangan pehak pulis, tetapi kerjasama orang ramai ada-lah amat di-perlukan bagi pelaksanaan langkah2 menchegah jenayah2 yang di-lakukan itu. Satu perkara yang sangat menarek perhatian kita dalam kes2 jenayah ini ia-lah penglibatan belia2 di-dalam lingkongan umor 'dewasa' sering di-dengar di-dakwa di-mahkamah2 menerusi siaran2 radio dan talivishen di-negeri ini.

Penglibatan belia2 dalam kes2 jenayah sa-umpama itu sunggoh memilukan hati kita, kerana betapa tidak 'golongan belia' yang sering di-suarakan sa-bagai jenerasi dan bakal pemimpin masa depan negara, awal2 lagi telah membentok diri mereka sama ada sa-chara di-senghajakan atau macham 'si-kambuyutan' telah menjadi gejala dan duri dalam daging masharakat kita sendiri. Perhatian wajar untok mengurangkan, malah kalau mungkin untok menghapuskan penglibatan mereka dalam apa yang di-katakan 'kenakalan remaja' dalam kes2 jenayah itu perlu sekali di-ambil perhatian terlebeh dahulu oleh kalangan ibu-bapa.

Perhatian demikian ada-lah wajar di-ambil tindakan segera kerana umpama peribahasa kita 'jangan sampai nasi menjadi bubor', maka sudah di-korek baru nak berseh ada-lah tindakan yang sia2 saja. Negara kita akan menchapai kemerdekaan-nya, dan untok melaksanakan chita2 kemerdekaan itu negara memerlukan suasana aman dan selamat. Dan kerana itu juga persediaan Pasokan Pulis Diraja Brunei yang menjadi tulang belakang mengawal keamanan dan keselamatan di-negara kita sa-jauh ini akan mula mengorak langkah ka-arah pembesaran dan perkembangan-nya bagi melaksanakan tugas dan tanggong-jawab mereka yang sudah tentu akan lebeh menchabar lagi.

Dari beberapa langkah pembesaran dan pengembangan itu, kita sa-bagai raayat dan pendudok negeri ini harus juga menyiapkan diri dan mendukong penoh atas kesedaran yang di-timbulkan oleh Pasokan Pulis Diraja Brunei lebeh2 lagi kapada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang tidak pajam mata pada memaduli keselamatan serta kebajikan raayat dan pendudok yang berlindong dan menjadi isi di-negeri yang darussalam ini. Kesedaran demikian juga sa-tidak2-nya akan menampakkan imej kita sa-bagai orang2 Brunei yang taat kapada Raja dan mendaulatkan keadilan undang2 yang mana anggota pasokan Pulis yang di-amanahkan menjaga keamanan dan keselamatan kita itu ada-lah orang2 kitani juga. Kapada siapa lagi kita hendak bermanja dan bedudun kalau tidak kapada saudara2 dan orang2 kitani sendiri. Tapi biar-lah bermanja dan bedudun itu jangan sampai menjadi 'gunting dalam lipatan' kerana akibat-nya, kalau berludah ka-langit, ka-muka sendiri juga jatoh-nya.

# "BERAZAM MEMPERTAHANKAN KESUCHIAN ISLAM"

## Sa-tiap orang Islam memainkan peranan dari perbuatan sa-barang anasir

PADA hari kita mengadakan sambutan bagi memperingati Hari keputeraan Nabi kita Syedina Muhammad s.a.w ini mari-lah kita memperbanyakkan uchapan selawat dan salam ka-atas Baginda sa-bagai tanda kaseh sayang kita terhadap Baginda, yang mana Baginda itu telah amat berjasa, bukan hanya kapada diri kita tetapi juga kapada seluroh umat manusia di-seluroh dunia dari zaman dahulu, sekarang dan akan datang.

Kita tidak-lah dapat meramalkan apa-kah yang harus terjadi kapada umat manusia hingga ka-zaman ini jikalau Nabi Muhammad s.a.w. tidak di-utus tepat pada waktu-nya kira2 14 abad yang lalu, apa lagi pada waktu Baginda itu di-utus menjadi pesuroh Allah, dunia sudah demikian rosak, umat manusia sudah jauh dari ugama yang benar, akhlak mereka telah jatoh, di-sana sini terjadi huru-hara, kezaliman bermaharajalela, ilmu pengetahuan sa-makin malap dan tamaddun manusia sa-makin mundor.

### Rahmat kapada sekalian alam

Shukor-lah Tuhan Maha Pengaseh dan Penyayang, lalu di-utus-Nya Nabi Muhammad s.a.w. untok membawa dan memberi rahmat kapada sekalian alam; manusia, alam malaikat, alam jin dan alam binatang. Baginda membawa Nor dan chahaya, membawa petunjok dan hidayat ia-itu Ugama Islam untok kepentingan umat manusia. Kita bershukor kapada Allah s.w.t. kerana kita termasok dalam golongan orang2 yang mengikut petunjok dan hidayat itu ia-itu menjadi orang Islam, pengikut Nabi Muhammad s.a.w.

Sa-bagai orang Islam dan mengaku sa-bagai pengikut Nabi Muhammad s.a.w. kita perlu-lah memboktikan ka-taat-setiaan kita terhadap Baginda. Akan menjadi sia2 sahaja-lah kita berpenat lelah, membuang tenaga, wang dan masa mengadakan sambutan bagi memperingati Hari Keputeraan Baginda itu, jika ia-nya tidak mendatangkan sa-barang kesan pada diri kita masing2 pada mendalamkan lagi rasa kaseh sayang kita terhadap Baginda dan terhadap ajaran2 Baginda serta pada meningkatkan semangat dan keazaman kita ka-arah mentaati dan mengamalkan kehendak2 Ugama Islam yang benar, bukan ajaran2 kufur dan salah.

### Peranan masing2

Thema sambutan Maulud Nabi s.a.w. pada tahun ini ia-lah 'Berazam Mempertahankan Kesuchian Islam'. Thema ini di-maksudkan supaya umat Islam di-negeri ini menanamkan kesedaran dan keazaman supaya memainkan peranan masing2 ka-arah mempertahankan kesuchian Islam dari sa-barang anasir yang boleh menjejaskan kemorniaan, kesuchian, dan kehormatan Ugama Islam.

PETIKAN sharahan YB Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal, Kadhi Besar Brunei di-upachara Maulud Nabi Muhammad s.a.w. Daerah Belait.

Ini ia-lah kerana Ugama Islam itu tidak akan sunyi daripada menghadapi berbagai-bagai chabaran yang bertujuan untok merosakkan, meminda, menambah dan memesongkan-nya ka-arah jalan yang salah.

Dalam sa-buah Hadith, Rasulullah s.a.w. ada mencheritakan tentang keadaan umat Islam sasudah Baginda wafat. Hadith tersebut di-riwayatkan oleh Imam2 Bokhari dan Muslim.

Asal-nya Hadith tersebut, ada seorang sahabat bernama Khuzaifah Al-Yamani bercherita demikian. Tujuan-nya ada-lah saperti berikut : Sahabat Khuzaifah r.a. berkata:

### Keterangan

Orang ramai pernah meminta keterangan kapada Rasulullah s.a.w. darihal perkara2 kebaikan sahaja, tetapi saya lalu meminta keterangan darihal keburokan, kerana saya khuatir terkena yang burok itu, lalu saya bertanya: Wahai Rasulullah, kita dahulunya mengalami zaman jahiliah dan keburokan. Lalu Allah mendatangkan kebaikan ini (maksud-nya kedatangan Ugama Islam). Sa-sudah kebaikan ini apa-kah akan terjadi sasuatu keburokan? Baginda s.a.w. menjawab: "Ya, akan terjadi keburokan." (Ada pun yang Baginda maksudkan keburokan itu ia-lah apa yang bakal terjadi sa-lepas Baginda ia-itu perselisehan di-kalangan kaum muslimin sendiri, ia-itu di-zaman Syedina Othman bin Affan r.a.



YB Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid.

terjadi pemberontakan dari penderhaka2 hingga berakhir dengan pembunohan Syedina Othman r.a. kemudian pada zaman Syedina 'Ali bin Abi Talib r.a. terjadi perang saudara antara Syedina 'Ali r.a. dengan Mu'awiah r.a. juga antara Syedina 'Ali r.a. dengan Syeditina 'Aishah r.a. yang semuanya berkisar dalam soal Khalifah dan pembunohan Syedina Othman).

### Titik hitam

Sa-lanjut-nya dalam Hadith itu di-sebutkan: Saya (Khuzaifah r.a.) bertanya lagi: Apa-kah sasudah terjadi-nya keburokan itu akan ada kebaikan lagi? Baginda menjawab: "Ya, akan ada kebaikan lagi, tetapi ada pula titik hitam-nya." Saya lalu bertanya lagi: Apa-kah titik hitam-nya itu? Baginda menjawab: "Kerana ada-nya suatu golongan yang mengambil petunjok dengan sa-lain petunjok yang saya berikan dan golongan tersebut ada yang engkau kenal dan ada yang tidak engkau kenal." (Jadi sa-sudah perang saudara berakhir di-kalangan kaum muslimin sa-bagaimana yang saya terangkan tadi, lalu ada kebaikan lagi yang munchul, ia-itu bersatunya umat Islam di-bawah pimpinan Khalifah2 Bani Umayyah. Dalam pada itu, masa Yazid bin Mu'awiyah menjadi Khalifah, terjadi-lah suatu peristewa yang menjadi titik hitam dalam sejarah, ia-itu terbunoh-nya Syedina Hussein bin 'Ali r.a. Beliau itu di-bunoh oleh bala tentera Yazid di-Karbala. Ini-lah peristewa yang menyayat hati kaum muslimin, kerana Syedina Hussein itu ada-lah chuchu Rasulullah s.a.w.)

### Neraka jahanam

Sa-lanjut-nya Hadith tersebut menerangkan lagi:

Saya (Khuzaifah r.a.) bertanya lagi: "Apa-kah sa-sudah kebaikan (yang ada titik hitam-nya tadi) akan terjadi lagi keburokan? Baginda menjawab: "Ya, nanti ada orang2 yang suka mengajak dan menyeru orang ramai sedang mereka itu berada di-tepi2 pintu neraka jahanam, barang siapa yang mengikut ajakan dan seruan mereka, neschaya penyeru2 itu akan di-limparkan mereka ka-dalam neraka jahanam itu." Saya bertanya lagi kapada Baginda: Wahai Rasulullah! Sudi-lah kiranya tuan memberikan keterangan kapada kami bagaimana-kah sifat2 orang yang mengajak dan menyeru keburokan tadi? Baginda bersabda: "Orang itu dari golongan kita sendiri (orang2 Islam) dan berchakap pun dengan bahasa kita."

### Penyeru2 keburokan

Keterangan Hadith yang di-hujong itu tadi-lah yang perlu kita ambil perhatian berat. Kerana peristewa2 yang awal terjadi di-zaman sahabat2 dan tabi'ian itu sudah berlalu dan telah terjadi apa2 yang di-ramalkan oleh Rasulullah s.a.w. Keburokan2 yang telah dan akan terus menerus terjadi hingga hari kiamat ia-lah wujud-nya penyeru2 keburokan yang membawa kita masok ka-dalam api neraka jahanam dalam apa jua bentok-nya.

Ini yang perlu kita awasi. Ini yang perlu kita sedari. Dan ini yang perlu kita hapuskan. Orang2 yang amat merbahaya itu malang-nya ada-lah dari orang yang mengaku berugama Islam tetapi hanya

Lihat muka 5

# SAMBUTAN MAULUD SMM MUDA HASHIM TUTONG

TUTONG. — Bagi memperingati Hari Keputeraan junjongan besar kita Nabi Muhammad s.a.w., satu sambutan telah berlangsong pada hari Sabtu, 31hb. Januari, 1981, bertempat di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim.

Majlis pagi itu telah dimulakan dengan bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an oleh Awg. Omar bin Ahim, salah sa-orang penuntut Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim dan di-ikuti dengan uchapan alu-aluan oleh pengetua sekolah tersebut, Chegu Moksin bin Haji Abd. Kadir.

Majlis itu juga di-isikan dengan satu sharahan khas oleh Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Ketua Pegawai Penerangan Brunei, yang juga sa-laku tetamu kehormat di-majlis itu.

Achara2 yang di-adakan termasok-lah peraduan membacha sajak antara rumah2 dan persembahan zikir oleh penuntut2 asrama Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim.

Penyampaian hadiah dan chenderamata telah di-lakukan oleh Hj. Abd. Wahab bin Muhammad, Pengerusi Jawatankuasa Sekolah.

Menghadhiri majlis tersebut termasok-lah Penolong Pegawai Daerah Tutong, pegawai2 kanan Daerah Tutong dan pegawai2 kerajaan serta penuntut2 sekolah tersebut.

Di-akhir majlis, jemputan2 khas di-bawa menyaksikan pameran tulisan jawi yang di-pertandingkan sabelum itu.

Perayaan2 sambutan maulud Nabi Muhammad s.a.w. juga telah di-adakan di-beberapa tempat di-negeri ini. Pada 29hb. Januari yang lalu, satu majlis penutopan zikir maulud, anjoran bersama pendudok2 Kampong Kota Batu, Pelambayan, Dato Gandi, Sungai Belukut, Sungai Matan dan Serdang telah di-adakan di-Surau Kampong Serdang di-Daerah Brunei-Muara.

Tetamu kehormat dimajlis tersebut ia-lah Pegawai Daerah Brunei Muara, Dato Paduka Hj. Abdullah bin Hj. Mohd. Ja'afar.

Majlis yang serupa juga telah di-adakan di-Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin di-Kampong Katimahar, di-mana Kadhi Daerah Brunei-Muara, Awg Hj. Salim bin Hj. Besar telah menjadi tetamu kehormat.

Turut mengadakan sambutan memperingati Hari Keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. ia-lah di-Masjid Setia Ali di-Pekan Muara.

Sementara itu, Badan Ugama Pelajar2 Islam Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, juga akan mengadakan sambutan yang sa-rupa esok, 5hb Februari.

Majlis yang akan bermula pada 8.00 pagi bertempat di-Dewan Besar Maktab tersebut, di-jangka akan di-rasmikan oleh Timbalan Kadhi Besar Brunei.



## Harga barang2 keperluan harian

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa barang2 yang berikut di-bawah ini bermula dari 29hb Januari 1981.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24 kati)—$26.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Ming Thai Company,
   No. 32, Jalan Sultan.
2. ASAM GELUGOR — $4.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
   a) Leong Huat, No. 57, Jalan Sultan
   b) Liong Yu Company, No. 58, Jalan Sultan,
3. BAWANG MERAH — $1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
   a) Gee Guan, No. 4, Jalan McArthur,
   b) Hong Soon, No. 6, Jalan McArthur.
4. UBI KENTANG — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Chop Aik Thye
   No. 25, Jalan Sultan.

**KUALA BELAIT**

1. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24 kati) — $28.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
   a) Sharikat M. Haji, No. D-2 Bangunan Dewan Perdagangan China
   b) Chiong Kee No. 1-A, Jalan Pretty.
   c) Koh Kit Hin, No. 28, Jalan Pretty.
2. ASAM GELUGOR — $4.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Sarikat M. Haji,
   No. D-2 Bangunan Dewan Perdagangan China
3. BAWANG MERAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
   a) Sharikat M. Haji, No. D-2, Bangunan Dewan Perdagangan China
   b) Yick Kuen, No. 3, Jalan Pretty,
   c) Choo Seng, No. 20, Jalan Pretty.
4. UBI KENTANG — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
   a) Ng Ming Hong, Bangunan Dewan Perdagangan China
   b) Foh Soon No. 60A, Jalan Pretty

**SERIA**

1. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24 kati) — $27.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Chop Koh Seng Heng,
   No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
2. ASAM GELUGOR — $4.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
   a) Yick Yuen, No. 49, Jalan Bunga Kuning.
   b) Soon Kheng, No. 50, Jalan Bunga Kuning.
3. BAWANG MERAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Chop Nam Wah,
   No. 64, Jalan Bunga Kenanga.
4. UBI KENTANG — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
   a) Ching Sing Hin, No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   c) Chop Koh Seng Heng, No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.

## Kursus Kerani2 yang baru berkhidmat

SA-RAMAI 19 orang kerani yang baru berkhidmat telah mengikuti kursus sa-lama tiga hari bertempat di-Yunit Latehan Jabatan Perjawatan di-sini, yang telah pun berakhir pada 29hb Januari hari Khamis lepas.

Sa-panjang mengikuti kursus itu mereka telah mengikuti cheramah mengenai dengan tugas2 pejabat saperti menaip, failing, membuat voucher, membuat indent, mengisi borang dan pembayaran gaji.

Sementara itu, sa-ramai 19 orang kerani bagi kumpolan kedua telah mengikuti kursus yang sama pada 2hb Februari dan berakhir pada hari ini 4hb Februari di-tempat yang sama.

Gambar menunjokkan peserta kursus berserta pegawai Yunit Latehan di-akhir penyertaan mereka.



**SALAH** sa-orang peserta dalam Peraduan Membacha Sajak Antara Rumah2 di-sambutan itu sedang menerima hadiah dari Awang Haji Abdul Wahab bin Mohammad, Pengerusi Jawatankuasa Sekolah SMM Muda Hashim, Tutong, gambar atas manakala gambar bawah persembahan zikir oleh penuntut2 asrama perempuan sekolah tersebut.




## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak 7hb. hingga 18hb. Februari, 1981

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Serasa | 7.2.1981 | Rabu | 10.00–10.30 pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 7.2.1981 | Rabu | 10.45–11.15 ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Sungai Besar | 7.2.1981 | Rabu | 11.30–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 7.2.1981 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 7.2.1981 | Sabtu | 2.45– 3.45 ,, |
| Sekolah Melayu Lamunin | 7.2.1981 | Sabtu | 4.00– 5.00 ,, |
| Kawasan Rumah Penghulu Mukim Serasa, Kampong Serasa | 8.2.1981 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara | 8.2.1981 | Ahad | 10.15–11.15 ,, |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 8.2.1981 | Ahad | 11.30–12.00 T/Hari |
| Maktab Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara | 9.2.1981 | Isnin | 1.45– 2.45 petang |
| Sekolah Melayu Haji Muhammad Salleh, Sungai Hanching | 9.2.1981 | Isnin | 3.00– 4.00 ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 10.2.1981 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 10.2.1981 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 11.2.1981 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 11.2.1981 | Rabu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 11.2.1981 | Rabu | 11.00–12.00 T/hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 14.2.1981 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Kilanas | 14.2.1981 | Sabtu | 3.15– 4.15 ,, |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut | 14.2.1981 | Sabtu | 4.30– 5.30 ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah) | 16.2.1981 | Isnin | 2.00– 3.00 ,, |
| Berhadapan Kedai Kampong Perpindahan | 16.2.1981 | Isnin | 3.30– 4.30 ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 17.2.1981 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak | 17.2.1981 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |
| Sekolah Melayu Serasa | 18.2.1981 | Rabu | 10.00–10.30 ,, |
| Sekolah Melayu Mentiri | 18.2.1981 | Rabu | 10.45–11.15 ,, |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 18.2.1981 | Rabu | 11.30–12.00 T/hari |

# GAMBAR2 LAWATAN DYMM KA-JABATAN SETIA USAHA K'JAAN





**KEBERANGKATAN** lawatan sengkat Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama adinda Baginda YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan YTB Penasehat Umom Baginda Sultan ka-Jabatan Setia Usaha Kerajaan pagi Isnin lalu di-dahului dengan majlis taklimat di-Bilek Persidangan Setia Usaha Kerajaan (gambar atas). Gambar sa-belah kiri Baginda Yang Dipertuan ketika memerhatikan kerja2 penyelanggaraan mesin2 komputer oleh kaki-tangan Bahagian Komputer Yunit Peranchang Ekonomi. Gambar kiri bawah, adinda Baginda YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah turut mendengar penerangan di-bahagian berkenaan. Gambar sebelah kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika dijunjong berangkat ka-beberapa bahagian bangunan tersebut sempat berbual-bual mesra dengan Pegawai Pentadbir Kanan Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Awang Haji Mohd Salleh bin Haji Hidup. Gambar bawah Baginda berangkat melawat bilek Bahagian Pentadbiran Jabatan Setia Usaha Kerajaan dan Baginda di-ziarahi oleh YAB Menteri Besar sa-baik2 sahaja Baginda hendak meninggalkan bangunan Setia Usaha Kerajaan dalam perjalanan berangkat pulang.









# NAHAS JALANRAYA:

## 40 orang terbunoh dalam 30 kemalangan tahun lalu

NAHAS jalanraya kebanyakan-nya berpuncha daripada kesalahan kita manusia.

Kenyataan ini sudah tidak dapat di-pertikaikan lagi dan daripada penyiasatan tertentu yang dilaksanakan oleh pehak pulis, sa-bilangan besar kejadian2 kemalangan jalanraya berpuncha daripada pengguna2 atau pun pemandu2 yang memandu dengan merbahaya, membabi-buta, chuai, melebehi had laju, tidak mematohi tanda2 lalulintas dan kurang pertimbangan atau pun "poor judgement" — chuma sedikit kemalangan berpuncha dari kerosakan mekanikal.

Perkara ini telah ditimbulkan oleh YAM Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid, Pesurohjaya Pulis Diraja Brunei didalam satu temuramah khas yang di-adakan dipejabat Yang Amat Mulia itu baru2 ini.

Bilangan kemalangan2 yang mengakibatkan kematian pada tahun lepas, menurut Yang Amat Mulia itu ada-lah sa-banyak 30 kemalangan berbanding dengan 35 kemalangan yang sa-rupa dalam tahun 1979, akan tetapi bilangan orang2 yang mati akibat kemalangan2 tersebut ia-lah 40 orang, iaitu satu pertambahan sabanyak 2 orang melebehi bilangan dalam tahun 1979.

"Akan tetapi, jika kita memikirkan akan kenyataan bahawa lebeh daripada 5,000 buah kenderaan tambahan telah di-daftarkan pada tahun lepas, tidak termasok kenderaan2 baru kerajaan dan tentera, maka ada-lah jelas bahawa kadar kemalangan pada tahun lepas tidak-lah begitu meningkat daripada kadar kemalangan pada tahun sa-belumnya," tegas Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja.

YAM sa-terus-nya menjelaskan kemalangan2 yang melibatkan pejalan2 kaki sering berpuncha daripada kechuaian sama ada di-pehak pemandu atau pejalan2 kaki. Ketiadaan pengetahuan dikalangan kanak2 mengenai peratoran2 berjalan ditepi2 jalan atau "curb drill" dan ketiadaan tempat2 berjalan-kaki atau "footpaths" dan tempat2 menyeberang bagi pejalan2 kaki yang menchukopi.

Pehak Pulis, menurut Yang Amat Mulia itu, sentiasa menchari chara2 baru untok mengurangkan kemalangan2, akan tetapi kerjasama yang chukop daripada orang ramai untok memandu dengan chermat pada sa-tiap waktu serta mematohi tanda2 lalulintas pada menjayakan sa-barang sekim atau idea baru ada-lah mustahak.

Menyentoh tentang langkah2 yang akan diambil bersangkutan dengan perkara ini, YAM memberitahu bahawa disa-panjang tahun ini Majlis Keselamatan Jalanraya akan membinchangkan dan melaksanakan sekim2 baru bagi faedah keselamatan jalanraya.

"Di-pehak kami, kami akan lebeh menggiatkan lagi perlaksanaan undang2 dengan mengarahkan lebeh banyak pulis terafik ka-kawasan2 yang mempunyai sekatan2 laju dan memereksa lesen2 memandu dan kerosakan2 mekanikal," tambah Yang Amat Mulia mengingatkan.



RISIKO memandu dengan merbahaya, membabi buta, chuai dan "poor judgement" di-jalanraya ada-lah terlalu berat. Kengerian apabila kemalangan2 berlaku saperti yang terpapar di-gambar2 ini patut mengajar para pemandu supaya lebeh berhati-hati dalam sa-tiap masa. Kejadian kemalangan berlaku sa-umpama ini ada kala-nya mengorbankan jiwa malah lebeh malang mereka yang terlibat menanggong kechachatan anggota yang memilukan.





KANAK2 mustahak di-berikan didekan atau pun bimbingan di-dalam tata-tertib di-jalanraya dan tugas memberikan pelajaran ini patut di-pikul oleh para ibu-bapa tanpa bersandarkan kapada satu2 pehak sahaja. Kelihatan para pelajar yang turut bertanding di-dalam peraduan lalu-lintas anjoran Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad di-Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah di-Tutong tidak berapa lama dahulu.

# Merosakkan kesuchian Islam

Dari muka 2

bertopengkan Islam sedangkan ia-nya mengajak orang lain kapada kebukrokan yang membawa masok ka-dalam api neraka. Sa-bagai chontoh, dan memang telah terjadi dinegeri kita ini, ada-nya orang yang menchari wang dengan mengajarkan ajaran2 kufur lagi menyesatkan, mula2 ia pura2 jadi tukang mengubat orang, kemudian jadi guru silat, lantas bila sudah ramai pengikut di-ajarkan pula ajaran ugama pada hal ia bukan ahli dalam bidang ugama.

### Beneh2 merosakkan

Ia tidak faham mana ajaran ugama yang betul mana yang salah, lalu diajarkan juga perkara itu kapada orang lain asalkan dapat wang. Ini nama-nya penyeru yang berada ditepi api neraka jahanam yang akan melemparkan pengikut2-nya masok kadalam neraka jahanam. Orang sa-umpama ini-lah juga yang banyak menaburkan beneh2 yang merosakkan kesuchian Ugama Islam.

Apa yang menyedehkan kita bukan sa-orang dua malah ramai juga yang menjadi pengikut kapada penyeru ajaran2 kufur dan sesat itu. Mujur-lah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengambil langkah bagi menghentikan kegiatan pembawa ajaran itu, dan sa-bahagian daripada pengikut2-nya telah menyedari akan kesesatan tersebut lalu kembali kapada ajaran Ugama Islam yang benar.

Orang2 atau pembawa2 serta penyeru2 sa-umpama itu mungkin, bahkan pasti akan ada lagi di-masa2 akan datang sama ada dalam keadaan-nya yang sama atau dalam keadaan2 yang berlainan.

Apa pun bentok-nya chara pembawaan penyeru2 ajaran2 kufur dan salah itu, yang penting bagi kita umat Islam ia-lah *Pertama*: tetap tegoh menumpukan taat setia kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang menjadi Raja dan ketua Ugama Islam dinegeri ini serta Kerajaan Baginda, yang berkewajipan memelihara Ugama Islam dalam erti kata yang sa-luas2-nya.

*Kedua*: umat Islam hendak-lah sentiasa berhatihati terhadap penyeru2 atau pembawa2 ajaran2 ugama yang kufur dan salah. Apa pun keajaiban2 yang mungkin di-timbulkan oleh mereka, sa-kali pun di-takdirkan ada yang pandai terbang mithal-nya tetapi jika ajaran2-nya berlawanan dengan ajaran Islam yang benar, janganlah sampai kita terpengaroh dengan-nya. Kerana perkara2 ajaib itu boleh juga di-timbulkan oleh tukang2 seher atau tukang2 silap mata.

### Ajaran2 salah

*Ketiga*: jika ada di-antara tuan2 atau pun puan2 yang mendapati orang2 yang mengajar ajaran2 yang salah, jangan-lah dibiarkan, bahkan hendaklah di-laporkan kapada pehak2 yang berkenaan, supaya perkara itu dapat disiasat dan di-ambil tindakan.

*Ke-empat*: umat Islam ada-lah perlu mempelajari atau berguru tentang perkara ugama kapada orang2 yang benar2 mempunyai ilmu pengetahuan ugama yang baik, saumpama alim ulama, guru2 ugama bertauliah, pegawai2 masjid dan sabagai-nya.

Dalam negeri ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah pun mengorniakan dan menguatkuasakan Undang2 No. 20 tahun 1955, ia-itu Undang2 Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah2 Kadzi 1955 yang mana di-antara lain2 telah memperuntokkan dalam Bab 185: Barangsiapa mengajar atau bersharah apa2 pelajaran ugama atau membuat apa2 pelajaran ugama atau membuat apa2 istiadat atau perkara yang berthabit dengan Ugama Islam dengan jalan yang berlawanan dengan hukum Shara' akan bersalah: Hukum penjara sa-lama tiga bulan atau denda sa-banyak dua ratus lima puloh ringgit.

### Hukoman

Dan dalam 193 ada memperuntokkan: Barangsiapa menchoba hendak melakukan atau bersubahat kerana melakukan apa2 kesalahan melawan undang2 ini hendak-lah di-hukom dengan sama hukoman sa-olah2-nya ia telah melakukan kesalahan itu sendiri.

Kedua-dua peruntokan undang2 itu jelas menunjokkan bahawa di-negeri ini ada-lah di-larang mengajarkan atau bersharah Ugama Islam jika yang diajarkan atau di-sharahkan itu berlawanan dengan ajaran Ugama Islam yang benar dan orang2 yang bersubahat pada kesalahan tersebut juga boleh dihukum jika thabit kesalahan-nya.

Maka untok mengakhiri uchapan saya di-perhimpunan ramai ini saya suka-lah berseru kapada para hadhirin dan hadirat sekalian dan umat Islam di-negeri ini supaya sama2 menanamkan kesedaran dan azam untok mempertahankan kesuchian, kehormatan dan ketegohan Ugama Islam. Kerana dengan demikian akan memudahkan kita memelihara ugama kita dari sa-barang anasir yang boleh merosakkan-nya.



PARA hadhirin yang hadhir dalam sambutan Maulud di-Pekan Muara pada hari Jumaat lepas.

# LEBEH 4,

LEBEH dari 4,000 orang umat Islam dari sa-genap lapisan masharakat yang mewakili 32 buah pasokan terdiri dari persatuan2 kebajikan, pertubohan2 beruniform, sekolah2 dan maktab2 dan sektor2 swasta telah menyertai dalam satu perhimpunan dan perarakan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. yang telah berlangsong di-Padang Sekolah Melayu SUAS, Pekan Muara.

Sambutan yang di-adakan pada petang hari Jumaat lalu itu telah di-mulakan dengan bachaan Al-Kor'an oleh Awang Hidup bin Haji Abdul Rahman. Tetamu kehormat, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain telah menyampaikan satu sharahan khas dan kemudian-nya mengepalai perarakan bersama pegawai2 kanan kerajaan mengelilingi Pekan Muara.

Terdah
ngerusi s
Yang D
Orang K
Seri Ram
Haji Moh
Momin te
kan uchap

Perhimp
itu juga
dengan pe
haban ol
sambutan
sokan yan
hagian. D
di-bachak
Masjid Se
Haji Abd
Mahmud.

Turut h
punan it
Pegawai
dan Muar
Haji Abd
Mohd Ja
Kadhi Be
Salam bin
Kadhi Da
Muara, A
lim bin H
pegawai2
yang lain.





GAMBAR2 (atas dan kiri) kelihatan Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain di-perkenalkan kapada ketua2 pasokan sa-jurus sa-belum perarakan.

Achara pada hari itu di-mulakan dengan bachaan Al-Kor'an oleh Awang Hidup bin Haji Abdul Rahman (gambar bawah)









GAMBAR2 bawah menunjokkan Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa menyampaikan Pingat Kerja Lama (Awam) kapada Pengiran Jaludin bin Pg Haji Mohammad, Pengiran Aliuddin bin Pg Haji Rendah, Awang Yahya bin Mohd Yusof dan Dayang Mariam bte Abdullah.



YANG Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa menyampaikan Pingat Indah Kerja Baik — P.I.K.B. kapada Pengiran Siti Hadizah bte PDP Pg Haji Apong (gambar atas) sementara gambar kiri kelihatan sa-bahagian dari penerima pingat2 diupachara itu.







# Senarai nama penerima2 Pingat

Pingat Bakti Laila Ikhlas — P.B.L.I.

YDM. Pehin Orang Kaya Perdana Indera Dato Setia Haji Mohd Taha bin Haji Bakir, DSNB. DSLJ. POAS. PHBS. PBLI. PJK., S/Sgt Momin bin Ibrahim.

Pingat Jasa Kebaktian — P.J.K.

WO II Osman bin Haji Lahab, PSB, Major Abd Aziz bin Abdullah, SMB, S/Sgt Hosaini bin Mohammad, S/Sgt Rapaie bin Dollah, Sgt Bakir bin Bakar, Sgt Awangku Suhaili bin Pengiran Kahar, Kol. Dato Seri Paduka J G Moran, SPMB. DSNB. DKT. OBE. PHBS.

WO I Pengiran Ahmad bin Pengiran Munggu, PSB, Sgt Ramli bin Haji Kahar, Awang Abdul Aziz bin Mohammad, Awang Mohd Ali bin Bakar, Awang Ahmad bin Bidin, Awang Zaidi bin Daud, Awang Mohd Yusof bin Haji Metussin.

WO II Ahmad bin Haji Bakar, WO II Jaffery bin Hassan, S/Sgt Othman bin Md Daud, S/Sgt Zaini bin Md Salleh, Sgt Binchut bin Haji Tudin, PIKB, Sgt Murah bin Lakim, Kpl Agan bin Haji Suldi, Kpl Rahman bin Wing @ Abdul Rahman bin Abdullah, L/Kpl Dayang bin Jarudin.

Pingat Indah Kerja Baik — P.I.K.B.

WO I Harun bin Ajis, PJB, S/Sgt Chuchu @ Abd Karim bin Haji Ibrahim, Sgt Dullah bin Sadong, Sgt Hashim bin Hassan, Sgt Ibrahim bin Tahir, Sgt Omar bin Mustapha, Sgt Mohd Sazakir bin Harun.

Sgt Suboh bin Merali, Sgt Tasrif bin Seryati @ Serjadi, Sgt Yusof bin Yunos, Kpl Ahmad bin Nayan, Kpl Ismail bin Mohamad, Kpl Mohd Jaafar bin Haji Sulong, Perajurit Jaman bin Rajang.

Abdul Rahman bin Hj. Abdul Karim, Haji Timbang bin Tarsil, S/Sgt Md Yussuf bin Metassan, Sgt Antin bin Md Zain, Sgt Abdul Hamid bin Jambol, Sgt Musa bin Sapong, Kpl Halim bin Haji Othman, Kpl Abdul Karim bin Abdullah.

Kpl Rosmi bin Tahir, PJB, Kpl Seeichat bin Tinggi, Awang Mohammad Sa'at bin Abdul Rashid, S/Sgt Kalong bin Selamat, S/Sgt Razak bin Lamit, Sgt Jumat bin Ali, Sgt Mohammad bin Aliyuddin.

Kpl Wan Raduan bin Wan Mohamed, Kpl Mohd Salleh bin Anai, Perajurit Abd Karim bin Mohd Daud, Perajurit Mohammad bin Abang, Awang Umar bin Bakar, Awang Mohd Janai bin Abdul Rahman, Madam Yap Bee King.

WO II Julaihi bin Bakar, PSB, S/Sgt Mohd Ali bin Mohidin, S/Sgt Kamis bin Haji Morsit, Sgt Abd Latip bin Awang Damit, Sgt Abd Rahman bin Haji Yussop, Sgt Pengiran Salleh bin Pengiran Abd Rahman, Sgt Suhaili bin Ahmad, Kpl Ibrahim bin Abd Hamid.

Kpl Awg Jaya bin Haji Osman, Kpl Kamis bin Muntol, Kpl Lakat bin Asin, Kpl Luang bin Simpol, Kpl Pengiran Shuhaime bin Pengiran Maun, L/Kpl Ahmad bin Awang, L/Kpl Badaruddin bin Kamis, L/Kpl Roslee bin Abdullah, Dayang Siti Aniah binte Abdul Wahab, Pengiran Siti Hadizah binte PDP Pengiran Haji Apong.

Pingat Kerja Lama (Awam)

Dato Paduka 'Abidin bin Abdul Rashid, DPMB. POAS, Dayang Hajjah Sino binte Haji Umar, Dayang Pauline Liew Fung Yin, Awang Apong bin Haji Abdul Ghani, Awang Haji Ahmad bin Arshad, Awang Ahmad bin Haji Metassan, Awang Bichu bin Ariff, Awang Badul bin Ahmad.

Awang Suhailee bin Orang Kaya Jaya Putera Haji Talip, Awang Johari bin Haji Tengah, Pengiran Mohd Salleh bin Pengiran Mohammed, Awang Abidin bin Mohd Zain, Awg. Zainin bin Ahmad, Awg. Masri bin Ja'afar, Awang Osman bin Kahar, Awang Abu Bakar bin Md Salleh.

Awang Roderick Yong Yin Fatt, Awang Metassan bin Haji Metussin, Awang Then Chung Seng, Malai Haji Othman bin Malai Hj Damit, Pengiran Ibrahim bin Pengiran Mohammad, Awang Mohd Tarif bin Mohd Yusof, Awang Emran bin Haji Hashim, Awang Ismail bin Mohammad.

Pengiran Dauddin bin Pengiran Haji Tengah, Awang Yaakob bin Haji Mohd Yussof, Awang Daud bin Haji Shawal, Awang Abdul Rashid bin Hussin, Awang Yussof bin Daud, Awang Abdullah Sani bin Abu Bakar, Awang Umar bin Bakar.

Awang Mohd Janai bin Abdul Rahman, Awang Abdul Rahman bin Mohd Tahir, Awang Ibrahim bin Mohd Yusof, Awang Mak Chin Soo, Pengiran Abdul Nizam bin Pengiran Haji Mohd Yusof, Pengiran Haji Yunsi ibni Al-Marhum Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Pengiran Haji Mohamed, Pengiran Haji Mohidi bin Pengiran Haji Omar, Pengiran Aliuddin bin Pengiran Haji Rendah.

Awang Haji Damit bin Piut, Awang Ali Hussin bin Salleh, Awang Abdul Hamid bin Kadir, Awang Tahir bin Abdul Rahman, Awang Tengah bin Tahir, Awang Jailani bin Md Noor.

Awg. Abdul Halim bin Umar, Awg. Abdullah bin Kalong, Awang Sulaiman bin Haji Awang Enchi, Awang S Jeevaratnam, Awang Yee Chao Lin, Awg. William Shim Nyuk Shau, Awang Kok Kun Nam, Awang Md Hassan bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim.

Awang Teo Ah Hoon, Awang Andrew Lai Eng Soon, Awang Nordin bin Yusof, Awang Johnny Ang, Awang Haji Rashid bin Haji Kahan, Dayang Mariam binte Abdullah, Awang Ibrahim bin Momin, Awang Dahlam bin Ahmad, Awang Yahya bin Mohd Yusof, Awang Mohd Said bin Othman, Pengiran Jaludin bin Pengiran Haji Mohammad Awang Chuchu bin Haji Serudin, Awang Lo Ket Vui.



# LAWATAN KA-DAER







DI-SAMPING melawat beberapa buah jabatan kerajaan, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz juga sempat meninjau tiga buah sekolah — Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim dan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Nor'ain.

Gambar atas kelihatan Yang Berhormat berbual mesra dengan Pengetua Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim sementara gambar kiri pula ketika Yang Berhormat melawat ka-kelas pertukangan kayu sekolah tersebut.

Gambar kanan kelihatan Yang Berhormat mendengar penerangan dari sa-orang kakitangan talikom mengenai dengan talian di-ibusawat talipon Daerah Tutong.

Gambar2 bawah kelihatan Yang Berhormat melawat ka-Balai Pulis Tutong (kiri) dan gambar bawah kanan kelihatan Yang Behormat di-alu2kan oleh Pmk Timbalan DBP, Awg Haji Ahmad Kadi dalam lawatan Yang Berhormat itu ka-Pejabat Chawangan DBP.





# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 4HB FEB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 MEDITERRANEAN VENTURE — Penyelaman dan penjelajahan pantai2 di-Negeri2 Peranchis, Itali, Afrika Utara dan Sepanyol dengan penyelam bangsa Itali yang termashhor, Carlo Gaspari.
5.30 THE NEW SHMOO — Sa-orang Sheriff telah di-tangkap kerana menerima upahan untok membuang sisa2 kimia yang menchemarkan kawasan di-sekitar-nya.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 THE FRIENDS OF MY FRIENDS
6.30 DR WHO — "The Stones of Blood" Bahagian Pertama
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 DR WHO — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DALLAS — "Nightmare"
7.48 AZAN ISHA
7.52 DALLAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MAULUD
8.40 MAJALLAH BRUNEI
9.00 RANCHANGAN TAHUN BARU CHINA 1980 (ulangan)
10.00 TOP RANK FIGHTS OF THE 70'S Siri tayangan2 pertandingan tinju pilehan dalam dekad 70an. Di-antara-nya mempaparkan Muhammad Ali, Ken Norton, Joe Frazier, Leon Spinks dll.
10.50 TV MOVIES — "The Last Hunt"
12.15 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 5HB FEB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 TOM AND JERRY
6.30 THE TOMORROW PEOPLE
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 THE TOMORROW PEOPLE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BEULAH LAND
7.48 AZAN ISHA
7.52 BEULAH LAND — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 PESTA TAHUN BARU CHINA 1981
10.00 DUNIA MINGGU INI
10.30 FROM HERE TO ETERNITY — "The Island"
11.20 THE BIG VALLEY
12.10 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 6HB FEB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SONG BOOK
5.15 CHILDREN'S SERIAL PACKAGE — "Chimpmates"
5.30 SCOOBY DOO AND SCRAPPY DOO
6.05 BIGFOOT AND WILDBOY — "Earthquake"
6.30 BARRIERS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 BARRIERS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CRYSTAL GAYLE SHOW
7.48 AZAN ISHA
7.52 CRYSTAL GAYLE SHOW — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 SA-KALONG IRAMA (Siaran Ulangan)
9.20 SOAP — Ep. 7 Ayah Jessica, the Major, maseh berpendapat dia dalam Peperangan Dunia Ke-2, dan telah menangkap jiran-nya sa-bagai musoh untok di-siasat.
9.50 GOLDEN CUP — Perlawanan bolasepak yang telah berlangsong di-Centenario Stadium, Montevedio, Uruguay di-antara enam buah negeri2 yang pernah memenangi World Cup.
10.40 HAWAII FIVE 'O' — "Blood Money Is Hard To Wash"
11.30 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 7HB FEB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
4.55 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 THE MERRIE MELODIES
6.30 BEWITCHED — "Samantha's Magic Potion" Samantha memberi Darrin minuman membuat-nya lebeh aktif lagi!
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 BEWITCHED — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FOUNDATION
7.48 AZAN ISHA
7.52 FOUNDATION — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 SERIKANDI
9.20 TAYANGAN FILEM INDONESIA — "Dimadu" Di-lakunkan oleh W. D. Mochtar, Rahayu Affendi, Nandy Widjaya dan H. Mansur Syah.
11.10 CITIES: "John Huston's DUBLIN".
12.00 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 8HB FEB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 HOW
5.30 THE ADVENTURES OF SUPERMAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CHILDREN'S FEATURES — "Headline Hunters" Walau pun ayah mereka sedang sakit, anak2-nya dapat juga meneruskan penerbitan suratkabar mereka.
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 THE DUKES OF HAZZARD
7.48 AZAN ISHA
7.52 THE DUKES OF HAZZARD — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 GEORGE AND HILDRED
9.00 INI-LAH LAGU-KU
9.30 BACKSTAIRS AT THE WHITE-HOUSE
10.20 ARMCHAIR THRILLER — "The Limbo Connection" Bagi Mark Omney hidup-nya sudah jadi kuchar kachir. Dia selalu minum dan berkelahi dengan isteri-nya, Clare, Dengan sa-suatu sebab semua-nya ini jadi berubah.
10.50 SIARAN TAMAT.



PEMANDANGAN saperti ini akan selalu di-lihat dalam siri MEDITERRANEAN VENTURE — bermula jam 5.00 petang ini.

## ISNIN — 9HB FEB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE SUPER 7
5.30 WORZEL GUMMIDGE
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 HERE'S BOOMER — "The Private Eye" Sa-orang detektif muda yang menyiasat bagaimana sa-orang wanita kehilangan barang2 kemas-nya telah menjalin romans di-sebabkan oleh Boomer.
6.30 JASON OF STAR COMMAND
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 JASON OF STAR COMMAND — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 VEGAS
7.48 AZAN ISHA
7.52 VEGAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 THE ROAD TO WEMBLEY
9.40 LIFE ON EARTH — "Invasion of The Land"
10.30 PATROL BOAT — "Fish Heads and Birdies" Satu latehan besar di-laut yang melibatkan sa-buah aircraft carrier dan empat patrol boat mengambil bahagian.
11.10 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 10HB FEB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE NEW ADVENTURES OF BATMAN
5.30 THE SHARI SHOW
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 GRANGE HILL
6.30 THE JACKSONS
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 THE JACKSON — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LOVE BOAT
7.48 AZAN ISHA
7.52 LOVE BOAT — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.00 TAYANGAN GAMBAR: "Sophia Loren — Her Own Story" Kapada peminat2 Sophia Loren, jemput-lah mengikuti tayangan gambar ini kerana cherita malam ini ada-lah membabitkan riwayat hidup-nya yang mana Sophia sendiri menjayakan-nya.
11.50 DICKENS OF LONDON — "The Deed" Apabila selalu di-hamun oleh creditors, John Dickens dan keluarga-nya bertolak ka-London untok membuat penghidupan baru.
12.50 SIARAN TAMAT.

## Selalu menguchapkan do'a:

# MENJADI DASAR DAN PEGANGAN HIDUP KITA

DALAM khutbah Jumaat yang lalu kita telah menerangkan berhubong dengan penting-nya kita menjadikan Ugama Islam sa-bagai pegangan dan chara hidup kita, dan dalam khutbah kali ini mari-lah kita ikuti pula huraian tentang penting-nya kita mempergunakan hidup di-dunia ini dengan sa-baik2-nya, dan mempersiapkan bekalan untok kehidupan akhirat, melakukan amal kebaikan dan menchapai husnol khatimah.

Meski pun hidup di-dunia ini hanya sementara dan akhir-nya akan fana binasa, tapi satu hal yang sudah nyata, dunia ini ada-lah sa-macham arena atau gelanggang tempat manusia berusaha, berjuang dan beramal untok menchapai kebahagiaan dan kenekmatan hidup sekarang dan masa akan datang. Ajaran Islam menyuroh supaya manusia mempergunakan hidup di-dunia ini dengan sa-baik2-nya asal sahaja melalui jalan yang halal, tidak merugikan orang lain dan masharakat. Menjaga batas2 yang telah di-tentukan oleh Islam, saperti jangan berlebeh-lebehan dan melampaui batas saperti membazir dan sa-umpama-nya.

## Kenekmatan

Sa-tiap orang Islam di-bolehkan mengechap kenekmatan dan kesenangan hidup di-dunia ini, asal sahaja menurut ketentuan2 dan batas2 yang di-huraikan di-atas tadi. Sa-tiap orang Islam boleh makan makanan yang lazat2, boleh memakai pakaian2 dan perhiasan2 yang mahal2 harga-nya, boleh memileki kereta yang bagus2, boleh mempunyai rumah yang besar2 dan indah, tetapi semua itu jangan-lah sampai menjadi tujuan hidup, bahkan hendak-lah hanya sa-bagai jambatan untok menchapai kenekmatan di-hari akan datang.

Tegas-nya, sa-tiap orang Islam hendak-lah berusaha untok menchapai kesenangan hidup di-dunia disamping mempastikan segala sharat2 yang di-perlukan untok mendapat shorga yang hakiki dalam kehidupan di-akhirat kelak.

Ada pun tentang mempersiapkan bekalan untok akhirat, sa-tiap orang Islam hendak-lah memberikan keutamaan dalam sa-tiap usaha dan perjuangan-nya. Firman Allah Taala dalam surah Al-Qasas yang kira2 bermaksud:

*"Dan tuntut-lah oleh-mu pada apa yang telah di-korniakan Allah kapada kamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan jangan-lah engkau lupakan bahagian mu dari (kesenangan) dunia ini."*

Dari ayat tersebut dapat di-fahamkan bahawa keutamaan usaha dan perjuangan hidup hendak-lah di-letakkan pada mempersiapkan bekalan untok kebahagiaan di-akhirat tanpa mengabaikan kesenangan2 hidup di-dunia ini.

## Keseimbangan

Mengator kedua-dua kepentingan ini menurut kedudokan-nya yang sa-jalan dan sesuai ada-lah termasok salah satu seni dalam mengator kehidupan ini. Sikap jiwa yang sa-demikian akan melahirkan saseorang Islam yang selalu membuat keseimbangan antara kepentingan hidup di-dunia ini dengan persiapan2 amal untok menghadapi hidup di-akhirat.

Kedua-dua kepentingan itu harus-lah sa-jalan dan sa-jajar, dan atas matalamat tersebut itu-lah pula maka Allah Taala memberikan petunjok dalam Al-Kor'an supaya kaum muslimin sentiasa memohonkan do'a. Sa-bahagian di-terangkan dalam surah Al-Baqarah yang bermaksud :

*"Ya Tuhan kami, korniakan-lah kapada kami kebaikan (kebahagiaan) dalam kehidupan di-dunia ini dan kebaikan (kebahagiaan) hidup di-akhirat, dan selamatkan-lah kami dari azab api neraka."*

## Husnol Khatimah

Ada pun mengenai penting-nya mengerjakan amal kebajikan, maka tiap2 nafas yang di-tarek oleh saseorang Islam dalam kehidupan ini patut-lah merupakan tambahan ke-




bajikan bagi-nya. Amal kebajikan itu mempunyai fungsi untok menghapuskan kejahatan2 atau dosa yang telah di-lakukan, saperti di-nyatakan dalam Kor'an yang bermaksud:

*"Sa-sunggoh-nya perbuatan2 kebajikan itu akan menghapuskan perbuatan2 yang jahat."*

Mengenai penting-nya usaha ka-arah menchapai husnol khatimah pula, maka sa-tiap orang Islam patut-lah mengharapkan dapat menchapai-nya ia-itu mati dalam keadaan menghembuskan nafas yang terakhir dalam suasana yang penoh dengan rahmat, kaseh dan keampunan Allah.

Kepergian-nya bukan sahaja dalam suasana tersenyum kerana akan menghadapi Allah Subhanahu Taala, tapi juga di-lepas oleh keluarga dan masharakat sekitar-nya dengan perasaan redha yang diliputi oleh kenangan2 orang ramai terhadap kebaikan2 sa-waktu hidup-nya.

## Kematian

Jika kematian itu di-umpamakan sa-bagai istirehat dari kesibokan dan perjuangan hidup di-dunia ini, maka istirehat dalam keadaan yang tenang dan tenteram. Ia membawa kumpolan amal kebajikan yang akan menemani-nya di-alam barzakh, sedangkan masharakat manusia merasa kehilangan sa-seorang yang selalu berbuat kebajikan terhadap sasama manusia. Kematian yang demikian-lah yang di-sebutkan husnol khatimah itu.

Demikian-lah pengajaran2 yang terdapat dalam do'a Nabi Muhammad s.a.w. sa-bagaimana yang telah kita terangkan dalam khutbah Jumaat yang lalu yang mengandongi lima perkara yang patut menjadi dasar dan pegangan hidup kita sa-hari2. Mari-lah kita sama2 menguchapkan selalu do'a tersebut, bukan sa-mata2 menguchapkan-nya dengan bibir, tetapi yang penting ia-lah penghayatan-nya, mengamalkan-nya dan melaksanakan-nya.

# NEKMAT YANG MENYEBABKAN MANUSIA LUPA

O
**Bingkisan minggu ini**

JUNJONGAN besar kita Nabi Muhammad s.a.w. telah mengingatkan bahawa supaya kita selalu berjaga-jaga dari tertipu dan terpedaya, baik penipuan itu datang-nya dari musoh2 umat Islam atau pun dari umat Islam itu sendiri, mahu pun tertipu atau terpedaya oleh nafsu sendiri.

Maka dalam ketiga-tiga chara penipuan ini, baik kita ambil salah satu daripada-nya ia-itu penipuan atau terpedaya oleh nafsu sendiri. Biasa-nya perkara ini berlaku ketika kita sedang dalam keseronokan dan khayalan dari nekmat2 yang di-berikan oleh Allah s.w.t. yang berpuncha dari keadaan hidup yang mewah dan juga tuboh badan yang sehat.

Dalam hal ini mari-lah kita amat-amati sa-buah hadith dari Junjongan kita yang di-riwayatkan oleh Bukhari dari At-Tarmizi, An Nasa'ai dan Ibnu Majah yang bermaksud: *"Ada dua nekmat menyebabkan banyak orang2 terpedaya dan tertipu dengan-nya ia-itu sehat dan rehat di-waktu lapang-nya."*

Yang di-maksudkan dengan dua nekmat itu ia-lah manusia dalam keadaan suasana yang baik hidup-nya, di-sekeliling-nya penoh dengan rahmat dan nekmat Allah, yang pada mula-nya ia susah di-senangkan Allah, dari hina di-muliakan Allah, dari duka di-gembirakan Allah, dari jahil di-berikan Allah hidayat dan ilmu pengetahuan hinggakan chorak kehidupan-nya di-penohi oleh kemewahan dengan harta dan kekayaan dan di-sertai dengan keadaan tuboh badan yang sehat dan afiat.

Dari keadaan ini-lah membuatkan sa-seorang manusia itu lupa akan kedudokan nekmat yang di-terima-nya. Ia akan bertukar dari baik kapada sombong dan bongkak, dari pemurah kapada kedekut dan bakhil, dari selalu bertimbang rasa kapada sa-orang hamba Allah yang kejam dan suka menginyaya, dari sa-orang yang suka beribadat dan merendah diri menjadi orang yang suka melakukan perkara2 dosa dan maksiat, yang mana kesemua-nya ini tidak di-sedari oleh manusia sa-umpama itu.

Ini-lah sifat yang di-peringatkan oleh Rasulullah s.a.w. kapada umat-nya supaya jangan terpedaya oleh kedua-dua nekmat tersebut ia-itu sehat dan rehat di-masa lapang-nya.

Sa-patut-nya jika mengechapi nekmat sa-umpama ini, kita sa-mesti-nya bershukor dengan menambahkan segala amal kebajikan dengan mengurangkan malah kalau boleh mengikis sama sekali sifat2 atau kerja2 yang tidak berfaedah dan maksiat. Memang kebanyakan manusia ketika tuboh badan-nya sehat tambahan pula di-limpahi nekmat kemewahan, ia-nya akan mudah melupakan segala yang telah di-lalui-nya sa-belum ini dan ini bertepatan dengan maksud firman Allah s.w.t. dalam Surah Saba' ayat 13 yang kira2 maksud-nya : " . . . . *Dan sedikit sekali dari hamba2-Ku yang berterima kaseh (bershukor)."*

Maka untok itu ikuti-lah sa-potong hadith nasehat Junjongan besar kita Nabi Muhammad s.a.w. yang di-riwayatkan oleh Al-Hakim, yang kira2 maksud-nya : *"Rebut-lah peluang yang lima sa-belum tiba yang lima : muda sa-belum tua, sehat sa-belum sakit, kaya sa-belum fakir, kelapangan sa-belum sebok dengan kerja dan hidup sa-belum mati."*

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagai Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 4hb Februari, 1981 hingga ka-hari Selasa 10hb Februari, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini : —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 5hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 6hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 7hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 8hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 9hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 10hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |

**Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

## AMALEN LEPAS SEMBAHYANG:

# WIRID DAN ZIKIR

## Siri ke-65

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo. Muft[illegible]

AL-KOR'AN al-Karim menerangkan bahawa Ugama Islam telah sempurna dan chukop dan tiada-lah boleh di-tokok-tambah atau di-kurang atau di-pinda.

Wirid2 sembahyang atau zikir2 sembahyang telah thabit ada-nya dalam Islam, sa-bagaimana di-riwayatkan oleh ulama2 dalam kitab2 hadith dan kitab2 zikir. Dari itu menolak wirid2 dalam sembahyang dan sa-lepas sembahyang ada-lah kufur kerana wirid2 sembahyang itu ia-lah sunnah atau hadith Rasulullah — yang mana menolak (mengingkari) sunnah Rasulullah ada-lah kufur.

Al-Imam An-Nawawi (meninggal tahun Hijrah 676) yang terkenal dalam mazhab Ash-Shafi'e telah menyebutkan dalam kitab *Al-Azkar Al-Muntakhabah Min Kalam, Sayidil Abrar Sallallahu 'alaihi Wassallam* (yakni kitab yang mengandongi zikir2 Rasulullah yang telah beliau petek dari kitab2 hadith) bahawa beliau ada menyatakan samada hadith2 (yang berupa zikir) itu hadith saheh atau hasan atau dha'if atau munkar; ghalib-nya beliau sebutkan hadith saheh supaya kitab-nya itu dapat di-iktimadkan.

### BERANI MEMBATALKAN?

Bagaimana sa-seorang Islam itu boleh berani membatalkan hukum2 dalam Ugama Islam saperti hukum wirid sembahyang yang thabit daripada Rasulullah (s.a.w.)? Ketahui-lah bahawa sembahyang lima waktu yang fardhu itu suatu perkara yang nyata di-kerjakan oleh Rasulullah dan sahabat2 serta orang2 Islam tiap2 hari lima kali di-hadapan ramai dalam masjid dan rumah. Dari itu, kata ulama' Islam, bahawa barangsiapa ingkarkan hukum sembahyang yang lima itu dan rukun2-nya saperti ruku'-nya, bilangan raka'at-nya dan lain2 lagi yang sapertinya ada-lah kafir dan murtad.

Wirid sembahyang yang di-amalkan oleh Rasulullah dan sahabat2 itu ada-lah saperti hukum sembahyang yang pada thabit dan nyata-nya di-ketahui oleh umat Islam kerana ia di-buat di-hadapan ramai dalam masjid2, rumah2, dan lain2 tempat.

Sayidina Abdullah bin 'Abbas (radhiallahu 'anhuma) menyatakan, sabagaimana di-riwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dan Muslim, bahawa samasa beliau maseh budak2 dahulu beliau mengetahui orang2 Islam apabila selesai sembahyang mereka pun menguchapkan zikir.

### IJMA'

Berkata lagi Al-Imam An-Nawawi dalam kitab *Al-Azkar* (Bab perkara zikir2 lepas selesai sembahyang fardhu). "Telah Ijma' ulama' Islam dan sa-kata mereka itu bahawa ada-lah sunnat (istihbab) berzikir lepas selesai sembahyang, dan telah datang banyak hadith yang saheh dalam perkara zikir lepas selesai sembahyang itu," lalu beliau ada menyebutkan sabahagian besar zikir2 itu dalam kitab tersebut.

Kata ulama' Islam, ingkarkan perkara yang thabit ada-nya di-dalam Islam ada-lah kufur dan murtad (keluar dari Ugama Islam). Maka zikir lepas selesai sembahyang fardhu itu ada-lah thabit ada-nya shara' Islam, sa-bagaimana kata Al-Imam An-Nawawi tadi.

Al-'Allamah Ibnu Hazam (Penganjor mazhab Az-Zahiriyah) pula mengatakan: "Perkara ijma' suatu kaedah dari kaedah atau asas Ugama Islam atau yang di-sebutkan dengan Al-Millatus Hanifiyah; kira-nya berlaku sasuatu maka segera-lah di-rujok kapada-nya dengan berpegang dengan-nya. Dan di-kufurkan barangsiapa melawan dan menyalahi-nya apabila telah di-dirikan hujjah dan dalil ka-atas-nya bahawa sa-suatu itu ada-lah ijma'."

### SESAT

Jadi, dari kata2 ulama' tadi, nyata-lah bagaimana jauh dan mendalam sesat dan batil-nya orang yang chuba membatalkan zikir lepas sembahyang yang telah thabit dalam hadith2 yang saheh dan ijma'. Dan nyata juga bagaimana jauh dan mendalam *'muruq'* keluar dari Islam mana2 orang yang saperti itu.

Bagaimana dapat sa-seorang Islam berani membatalkan zikir2 yang di-bacha lepas takbiratul-ihram? Zikir2 dalam masa ruku' dan i'tidal? Dalam sujud? Dalam qunut suboh? Dalam tahiyat? Salawat lepas tahiyat dan do'a2 lepas tahiyat akhir sa-belum memberi salam? — Pada hal semua itu telah di-kerjakan oleh Rasulullah dan Baginda suroh sahabat2 membacha dan melakukan-nya!

**Kalau sa-seorang itu boleh membatalkan wirid2 sembahyang maka ia boleh membatalkan dan menghapuskan sembahyang2 fardhu dan sembahyang2 sunnat. Maka chara itu tiada-lah ada wajib sembahyang dan dengan itu boleh di-ubah2 dan di-pinda2 apa jua hukum2 Islam bahkan Ugama Islam itu sendiri—dan itu nama-nya kufur dan keluar dari Islam. Orang2 yang sa-demikian itu wajib di-tentang dan di-basmikan.**

### ZIKIR2

Sahabat2 (radhiallahu 'anhum) telah meriwayatkan dari Rasulullah banyak zikir2 lepas sembahyang atau zikir2 dan bachaan2 yang mengiringi sembahyang. Oleh kerana riwayat dari sahabat2 dalam satu2 perkara itu banyak maka itu nama-nya mutawatir atau ijma'.

Al-Imam An-Nawawi telah menyebutkan kira2 18 orang sahabat yang meriwayatkan hadith2 berkenaan dengan zikir lepas sembahyang. Hadith2 tersebut ada di-sebutkan dalam *Sahih Al-Bukhari* dan *Muslim*, dalam *Sunan2 At-Tarmizi, Abi Daud, An-Nasa'ie, Musnadul Imam Ahmad, Sunan Ibni Majah* dan lain2. Beliau seterusnya menyebutkan zikir2 yang di-bacha pada waktu pagi dan petang dan beliau sebutkan ayat2 Al-Kor'an yang menyuroh berzikir pada waktu pagi dan petang serta juga hadith2 yang berkenaan dengan zikir pada waktu pagi dan petang itu.

### THABIT: AMALAN RASUL

Dari apa yang di-sebutkan di-atas itu maka thabit-lah bahawa Rasulullah (s.a.w.) telah beramal dengan zikir2 tertentu. Dan sahabat2 serta umat Islam juga beramal dengan zikir2 Rasulullah itu. Maka orang2 yang menolak akan apa yang thabit dalam Islam saperti ayat2 Al-Kor'an dan hadith mutawatir dalam perkara dan mengenai zikir itu ada-lah keluar dari Islam dan kufur kerana ia membohongkan atau mendustakan perkara yang terang2 telah thabit dengan nyata itu.

*WALLAHU A'ALAM*



SAMBUTAN Maulud Nabi Muhammad s.a.w. telah di-adakan di-beberapa tempat di-seluroh negeri pada minggu lalu. Gambar atas kelihatan para hadhirin yang hadhir dalam sambutan Maulud yang di-adakan di-Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin, Kampong Katimahar, Daerah Brunei-Muara pada 29hb Januari yang lalu.

ntisari RTB minggu ini



...n Drama pembangunan ber-
...uhammad Timbang, Brunei.
..., jam 11.30 pagi dan ulangan-



...gan Muhammad Ali dengan
...ri baru bertajok 'Top Rank
... malam.

# PESERTA2 MUTIKA '81 PERENGKAT SUKU AKHIR SIRI KELIMA

Pertandingan MUTIKA 1981 perengkat Suku Akhir ranchangan kelima akan di-siarkan melalui Radio Brunei pada hari Ahad 8hb Februari, 1981 jam 2.00 petang. Peserta2 yang bertanding ia-lah :



**Mamat Hasbullah (22)**
Peserta Daerah Tutong
Lagu 'Kenangan Lalu'



**Masni Haji Abdullah (21)**
Peserta Daerah Brunei/Muara
Lagu 'Chinta'



**Nik Ismail Minudin (27)**
Peserta Daerah Brunei/Muara
Lagu 'Lahir-nya Sa-orang Seniman'



**Rosinah Rosli (20)**
Peserta Daerah Belait
Lagu 'Mungkinkah'



**Tingkah Ikas (29)**
Peserta Daerah Brunei/Muara
Lagu 'Bunga Tanjong'



**Haslinda Mohd Taib (18)**
Peserta Daerah Brunei/Muara
Lagu 'Kisah Kaseh'



**Abd Aziz Mohd Hassan (24)**
Peserta Daerah Temburong
Lagu 'Kegersangan'



**Ak. Haji Mohd Daud Pg Haji Mahmud (29)**
Peserta Daerah Brunei/Muara
Lagu 'Lagu Dan Irama'

# PERADUAN MEMILEH KAMPONG TERPUJI DI-BRUNEI

BAHAGIAN Melayu Radio Talivishen Brunei akan menganjorkan pertandingan memileh Kampong Terpuji Di-Brunei, melalui Ranchangan Radio TV yang akan bermula pada awal bulan April, 1981.

Pengurus Penerbitan Ranchangan Radio, Awg Stewart Wavell ketika mengumomkan pertandingan tersebut kapada Penghulu2 Mukim, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang minggu ini berkata, bahawa pertandingan tersebut ada-lah bertujuan untok menggalakkan anak2 kampong di-seluroh negeri untok menanamkan semangat merasa bangga dengan suasana dan keindahan kampong semula jadi yang terdapat di-kampong masing2.

Perkara2 yang akan dihakimkan dalam pertandingan tersebut ia-lah :

a) Kechantekan kampong
b) Kebersehan kampong
c) Kebolehan anak2 kampong dalam bidang2:
   i) Pertukangan
   ii) Kegiatan Iktisad
   iii) Kegiatan Ugama
   iv) Kegiatan Kesenian dan Kebudayaan
   v) Kegiatan Belia dan Wanita
d) Kegiatan dalam usaha berchuchok tanam atau menangkap ikan (Pertanian / Perikanan)

Sa-banyak 38 buah kampong dari semua Mukim di-ke-empat2 daerah dinegeri ini, di-jangka akan menyertai pertandingan yang pertama kali di-anjorkan oleh Radio Talivishen Brunei.

Hadiah2 akan di-berikan kapada Kampong2 yang terpuji bagi daerah2 Brunei/Muara, Tutong, Belait dan Temburong, yang akan di-istiharkan sa-bagai Kampong Terpuji bagi perengkat daerah. Dan satu hadiah lagi akan di-berikan kapada sa-buah kampong yang terpuji bagi perengkat seluroh negeri bagi tahun 1981.



# KERJA S.U.K.
# H TUTONG

Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya
Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz telah melakukan lawatan kerja
Tutong pada hari Sabtu 24hb Januari yang lalu. Dalam lawatan
tok itu Yang Berhormat telah di-iringi oleh Y.B. Pehin Orang Kaya
aja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin,
Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei.

nlah 22 buah jabatan kerajaan di-daerah itu telah di-lawati oleh
ormat termasok-lah pejabat2 yang maseh berpejabat di-bangunan
watan Yang Berhormat ka-tempat2 itu telah di-iringi oleh Pegawai
tong, Awang Haji Chuchu bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji
enolong-nya, Awang Adanan bin Haji Hanafiah serta pegawai2 kanan
ang lain.

nping melawat jabatan2 kerajaan, Yang Berhormat juga sempat mela-
atan keselamatan ia-itu saperti Balai Bomba dan Balai Pulis, Pekan
Dan pada mengetahui lebeh dekat lagi tentang perkembangan pela-
aerah itu, Yang Berhormat juga sempat meninjau dan melawat tiga
ah sambil beramah mesra dan berbual2 dengan penuntut2.

mengetahui masaalah2 serta kesusahan yang di-hadapi oleh pen-
mpong di-daerah itu, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan dalam
vatan-nya itu telah mengadakan perjumpaan khas dengan Penghulu2
2 Kampong serta Ketua2 Rumah Panjang bertempat di-Bilek Per-
Pejabat Bandaran. Di-samping itu Yang Berhormat juga berkesempat-
bual2 dan beramah mesra dengan ketua2 jabatan kerajaan daerah itu.





YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg Haji Abdul Aziz menanda-tangani Buku Melawat di-Bilek Pegawai Daerah sambil di-perhatikan oleh Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain dan Pegawai Daerah, Awang Haji Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah (gambar atas.)

Dalam lawatan-nya ka-Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Yang Berhormat telah di-bawa meninjau ka-kelas2 di-sekolah itu. Gambar kiri kelihatan Yang Berhormat dengan di-iringi oleh Pengarah Pelajaran Dato Seri Laila Jasa Awg Haji Ahmad dan Pengetua Sekolah itu ketika melawat ka-Bilek Makmal.

Gambar2 bawah kelihatan Yang Berhormat ketika melawat Pejabat Pos (kiri) dan Pejabat Bahagian Penerangan Chawangan Tutong (bawah).







# PEGAWAI2 WANITA BERTAULIAH AMDB DI-KEHENDAKI

1. ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI menawarkan pemudi2 di-Brunei kerjaya yang penoh chabaran dan sangat mulia. Buat pertama kali, Pasokan AMDB mempelawa pemohon2 wanita yang layak sa-bagai chalon untok jawatan Pegawai2 Wanita Bertauliah dalam Pasokan Kompeni Wanita yang akan di-tubohkan dalam tahun 1982.

2. Pasokan ini mempunyai beberapa jenis kerja2 yang menarek khas di-sesuaikan untok memenohi kechenderongan chalon2 wanita. Jika Dayang2 mempunyai kelayakan2 pelajaran, Pasokan ini akan membantu Dayang untok di-lateh sa-bagai sa-orang Pegawai dan pemimpin dalam Kompeni Wanita. Jika Dayang ingin memohon sa-bagai chalon untok di-pertimbangkan oleh Lembaga Pemilehan Pegawai2 Pasokan, silalah hantar permohonan sa-chara bertulis dengan menchatetkan kelulusan2 pelajaran yang telah di-chapai, kapada Pemerentah, Askar Melayu Diraja Brunei, Garrison Berakas dan hendak-lah sampai kapada beliau tidak lewat dari 28hb Februari 1981. Lembaga Pemilehan Pegawai2 Pasokan akan bersidang dalam pertengahan bulan April 1981.

3. **Gaji :** Gaji permulaan sa-bagai Pegawai Kadet ia-lah $890.00-$1,405.00 sa-telah berjaya menamatkan latehan pegawai dan di-perkenankan tauliah sa-bagai Leftenan Muda, Dayang akan menerima $1,565.00 dan 186.00 Elaun Chatuan tiap2 bulan.

4. **Sharat2 Pemilehan.** Pasokan ini memerlukan Dayang2 memenohi sharat2 yang berikut :

a. Dayang2 mesti-lah Warga Negeri Brunei dan raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, yang terdiri dari orang2 Melayu dari kaum jati puak2 Belait, Bisayah, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.

b. Jika Dayang bukan dari kaum jati puak2 tersebut, Dayang2 mesti-lah berugama Islam dan mensesuaikan diri Dayang2 dengan adat resam orang2 Melayu yang di-amalkan di-Brunei dan raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang terta'alok kapada sa-barang undang2 bertulis yang berhubong dengan kebangsaan-nya.

c. **Bahasa/Kelayakan Pelajaran :**

(1) Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan V Aliran Sekolah Inggeris 1980, faseh bertutor dan menulis dalam Bahasa Inggeris.

(2) Keistimewaan akan di-beri kapada pemohon2 yang memperolehi kelayakan2 pelajaran yang tinggi.

d. Berumor di-antara 18 hingga 25 tahun pada 21hb Mei 1981.

e. Maseh bujang.

f. Tinggi sekurang2-nya 5 kaki.

g. Berat badan tidak kurang dari 100 paun.

h. Lulus Pepereksaan Kesihatan Tentera.

5. **Latehan :** Jika Dayang2 di-terima sa-bagai Pegawai Kadet, Dayang2 akan menjalani latehan pegawai sa-lama 6 bulan di-Maktab Askar Wanita Diraja British Camberley, United Kingdom.

6. Jika Dayang2 memerlukan sa-barang pertanyaan sila-lah berhubong terus kapada :

**Timbalan Penolong Ejutan Agong**

**Markas Askar Melayu Diraja Brunei**

**Garrison Berakas**

**Talipon : 31111 sambongan 284**

**ATAU**

**Pegawai Pengambilan Pasokan**
**Askar Melayu Diraja Brunei**
**Talipon : 30531 sambongan 01 atau 02.**

# Pegawai2 bertukar, bersara dan naik pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai sembilan orang pegawai kerajaan di-beberapa buah jabatan terlibat dalam pertukaran tugas dan/atau pejabat sa-panjang tahun lalu dan awal tahun ini.

Sementara itu tujoh orang yang lain pula telah menamatkan perkhidmatan mereka dengan kerajaan pada bulan Disember lalu manakala sa-ramai 23 orang lagi telah di-naikkan pangkat dalam Bahagian2 IV hingga II.

Antara pegawai2 yang terlibat dalam pertukaran tugas dan/atau pejabat termasok-lah Awg. Yassin bin Ampuan Salleh, Pegawai Hutan Daerah di-Jabatan Kehutanan kini bertugas sa-bagai Silvikalcharist di-jabatan yang sama. Pg. Suhaimi bin Pg. Dato Paduka Hj. Abd. Rahman, Pegawai Pentadbir Jabatan Pelajaran bertukar ka-Pejabat YTM Paduka Seri Duli Pengiran Di-Gadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah sa-bagai Setia Usaha Sulit.

